

11/07/2004

Khair Toyo dicalonkan Naib Ketua Pemuda

By Saufi Hamzah; Mohd Anwar Patho Rohman; Shaarani Ismail  
GEORGETOWN: Pergerakan Pemuda Umno bahagian Tasek Gelugor semalam membuat kejutan apabila mencalonkan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo untuk jawatan Naib Ketua pergerakan itu.

Walaupun Mohamad Khir tidak pernah menawarkan diri untuk bertanding, Pemuda bahagian itu sebulat suara mencalonkannya.

Pemuda bahagian itu juga mencalonkan Datuk Hishammuddin Tun Hussein sebagai ketua pergerakan itu.

Ketika diminta mengulas mengenai pencalonan itu, Ketuanya Zulkifli Yahaya berkata, ia dibuat untuk memberi alternatif kepada Pemuda memilih calon yang benar-benar layak menduduki jawatan nombor dua itu.

"Kami berpendapat adalah wajar jawatan naib ketua disandang oleh menteri memandangkan Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein juga adalah seorang menteri dan tidak ada salahnya mencalonkan Mohamad Khir sebab beliau seorang Menteri Besar," katanya.

Seramai 233 perwakilan daripada 72 cawangan Pemuda bahagian itu menghadiri persidangan yang dirasmikan Ketua Penaja Umno Bahagian Tasek Gelugor, Datuk Seri Mohd Shariff Omar.

Sementara itu, ketika dihubungi, Mohd Shariff berkata, keputusan Pemuda bahagian itu yang mencalonkan Menteri Besar Selangor berkenaan adalah urusan mereka.

"Saya tidak masuk campur dalam penamaan itu...saya tidak dimaklumkan dan tidak tahu menahu mengenai pencalonan itu.

"Saya hanya mendapat tahu menerusi televisyen," kata Mohd Shariff ketika dihubungi.

Timbalan Ketua Penaja bahagian itu, Jasmin Mohamed pula berkata, beliau enggan mengulas mengenai pendirian Pemuda Tasek Gelugor yang mencalonkan Dr Mohd Khir bagi jawatan Naib Ketua.

Adik Menteri Besar Selangor itu, Ahmad Nasir Joyo, pula dipilih sebagai Ketua Pemuda Umno Tanjung Karang di Selangor dengan menewaskan Khir Ramli dalam persidangan perwakilan bahagian itu semalam. Ahmad Nasir menerima 154 undi manakala Khir 112 undi.

Ahmad Nasir sebelum itu menerima 57 pencalonan manakala Khir 28 pencalonan untuk bertanding bagi jawatan ketua pemuda itu.

Ahmad Nasir berkata, Dr Mohamad Khir memberikan sokongan moral kepadanya tetapi tidak pernah mendesak atau memaksa beliau untuk menjawat jawatan ketua pemuda itu.

Mesyuarat perwakilan Pemuda bahagian Tanjung Karang itu juga mencalonkan Datuk Hishammuddin Tun Hussein bagi jawatan Ketua Pemuda dan Khairy Jamaluddin sebagai Naib Ketua.

Sementara itu, anak bekas Perdana Menteri, Datuk Mukhriz Mahathir mendapat satu lagi pencalonan untuk merebut jawatan Naib Ketua Pemuda apabila Pemuda Umno bahagian Simpang Renggam, Johor mencalonkannya semalam setelah Pemuda Kubang Pasu berbuat demikian sebelum ini.

Bagaimanapun, Hishammuddin terus menerima pencalonan daripada kesemua 52 bahagian yang bermesyuarat semalam menjadikan pencalonan yang diterimanya untuk jawatan Ketua Pergerakan pemuda meningkat kepada 74 pencalonan.

Turut menerima pencalonan, ahli Exco Pergerakan Pemuda, Khairy Jamaluddin yang menerima pencalonan daripada 50 bahagian yang bermesyuarat menjadikan jumlah pencalonan yang diterima adalah 71.

(END)